

# NILAI DAN AGAMA DALAM MODENISASI: KAJIAN KES FELDA

Mohd Zufri Mamat<sup>1</sup>, Ezwan Arman Noor Kamar<sup>2</sup> dan Mohd Hazim Shah Abdul Murad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)  
[mdzufri@um.edu.my](mailto:mdzufri@um.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)  
[mrezwan@um.edu.my](mailto:mrezwan@um.edu.my)

<sup>3</sup>Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)  
[drhazim@um.edu.my](mailto:drhazim@um.edu.my)

## ABSTRAK

Perbincangan berkisar tentang hubungan modenisasi antara aspek fizikal dan ekonomi dengan modenisasi daripada aspek nilai dalam usaha untuk memahami bentuk dan ciri modenisasi yang berlaku dalam masyarakat peneroka. Matlamat perbincangan dalam kertaskerja ini antara lain adalah sebagai respons kepada fahaman modenisasi konvensional misalnya oleh Weber yang mengatakan bahawa modenisasi adalah satu proses yang seragam melibatkan perubahan masyarakat dalam kesemua aspek; fizikal, ekonomi dan nilai. Walau bagaimanapun, konsep '*multiple modernities*' mengambil pandangan yang bertentangan dengan menganjurkan bahawa modenisasi boleh mengambil bentuk dan ciri berbeza dalam masyarakat berbeza. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu melalui temubual dengan peneroka dan pegawai Felda serta kajiselidik yang diedarkan kepada peneroka. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan respons normatif daripada peneroka dan pegawai Felda. Akhir sekali, didapati bahawa modenisasi yang dialami oleh masyarakat peneroka adalah bersifat '*instrumental*' dan memenuhi sebahagian daripada ciri-ciri aspek nilai. Kajian ini menyimpulkan bahawa modenisasi masyarakat Melayu mengambil bentuk dan ciri yang tersendiri dan tidak boleh diterangkan menggunakan model modenisasi seperti yang berlaku di Barat.

**Keywords :** agama, Felda , modernisasi/pemodenan, multiple modernities, nilai,

## PENGENALAN

Banyak kajian mengenai modenisasi merujuk sebagai satu proses yang bermula di Barat sehinggakan dikenali sebagai '*Americanization*' untuk merujuk proses modenisasi masyarakat di negara Eropah dan istilah yang lain pula diguna bagi menerangkan proses yang sama di negara bukan Eropah iaitu '*Westernization*' (Lerner, 1968). Secara terus, keadaan ini menggambarkan rapatnya konsep modenisasi itu dengan Barat. Walaubagaimanapun, pemodenan sesuatu masyarakat tidak semestinya diterangkan hanya berdasarkan kepada sejarah pengalaman modenisasi Barat yang melibatkan perubahan dalam aspek ekonomi, sosial dan nilai (Hattori dan Funatsu, 2003). Ini adalah kerana modenisasi boleh mengambil bentuk yang berbeza iaitu sesuatu masyarakat boleh sahaja mengalami modenisasi ekonomi tetapi tidak semestinya turut mengalami modenisasi daripada aspek nilai. Tanggapan sebegini berdasarkan kepada konsep '*multiple modernities*'

yang melihat modenisasi sebagai sesuatu yang mempunyai pelbagai bentuk, boleh mengambil rupa yang berbeza dalam masyarakat yang berbeza dan tidak semestinya dirujuk dalam konteks Barat (Eisenstadt, 2000) bertentangan dengan teori modenisasi konvensional misalnya seperti yang dikemukakan oleh Weber (1978 dan 2003) yang mengatakan bahawa modenisasi turut melibatkan perubahan daripada aspek nilai.

Berdasarkan kepada pandangan itu, kertas kerja ini akan membincangkan modenisasi daripada persepektif psiko-sosial yang turut menyentuh aspek nilai dan agama untuk melihat ciri-ciri personaliti moden di kalangan peneroka dengan mengambil rangkuman secara menyeluruh untuk memahami bentuk modenisasi masyarakat tersebut. Kertas kerja ini berpendapat modenisasi yang dialami oleh masyarakat tersebut memerlukan penjelasan yang berbeza dan tidak boleh diterangkan hanya bersandar kepada model modenisasi konvensional sebagai satu-satunya penjelasan tunggal.

## **KERANGKA KONSEPSUAL**

### ***Konsep modenisasi***

Modenisasi berasal dari kata akar 'moden' adalah satu proses yang kompleks dan ia tidaklah mudah untuk memberi takrifan kepadanya malah istilah moden itu sendiri juga mengandungi maksud yang sarat nilai. Moden mengambil pengertian menyeluruh melibatkan pelbagai aspek dan ramai sarjana yang memberi sumbangan dalam membincangkan faktor-faktor modenisasi dalam sesuatu masyarakat. Satu pendekatan yang mudah untuk memahami moden adalah dengan mengatakan sesuatu yang 'lama' digantikan dengan yang 'baru'. Misalnya, jentera dan mesin-mesin menggantikan tenaga haiwan atau manusia dalam proses pengeluaran. Bagaimanapun, pendekatan seperti ini hanya meletakkan moden lebih kepada faktor 'benda' semata-mata dan mengabaikan sifat konsep yang lebih luas. Justeru, 'moden' perlu dilihat lebih dari itu. Ramai sarjana yang membincangkan moden dari aspek yang lebih besar iaitu meletakkan masyarakat itu sendiri sebagai fokus kepada kajian. Masyarakat yang moden dikatakan sebagai masyarakat yang mengalami proses urbanisasi, industrialisasi dan birokrasi. Mereka juga terdedah kepada maklumat melalui media massa dan mempunyai sistem pengangkutan yang cekap serta komunikasi yang baik (Inkeles dan Smith, 1974).

Konsep modenisasi adalah sesuatu yang kompleks dan mempunyai pengertian yang luas. Telah banyak kajian dilakukan untuk memahami konsep ini seperti idea awal yang dikemukakan oleh Rostow (1990) dengan menekankan kepada peranan dan sistem ekonomi dalam mencetuskan pemodenan sesuatu masyarakat. Beliau mengatakan terdapat prasyarat tertentu untuk sesuatu masyarakat mengalami pemodenan seperti keperluan kepada perubahan dalam struktur sosial dan sistem politik selain perubahan teknik pengeluaran dalam ekonomi. Peralihan sistem ekonomi misalnya sistem ekonomi berasaskan pertanian kepada bidang pengeluaran yang lebih produktif juga menjadi faktor penting modenisasi. Dari aspek politik pula Apter (1973) di dalam bukunya *Political Change: Collected Essays* mengemukakan teori modenisasi dari aspek politik dengan menunjukkan hubungan antara demokrasi dan kecekapan pentadbiran ke arah proses itu. Modenisasi juga biasa dibincangkan daripada aspek psikologi seperti yang dilakukan oleh McClelland dan Winter (1969) apabila mengaitkan faktor personaliti dengan perkembangan ekonomi. Beliau menerangkan, perubahan dalam personaliti memberi kesan kepada produktiviti. Bagaimanapun sebelum perubahan ini berlaku perlu ada satu syarat awal iaitu keadaan yang membawa kepada perubahan personaliti tersebut.

Di Barat, modenisasi dikaitkan dengan kesediaan dan keterbukaan masyarakatnya menerima perubahan dari aspek pemikiran dan nilai tradisional yang dipegang mereka. 'Kesediaan dan keterbukaan menerima perubahan' inilah yang dilabelkan sebagai modenisasi dalam masyarakat mereka. Inglehart dan Welzel (2005) mengatakan modenisasi dikaitkan dengan kepercayaan bahawa manusia berupaya mengawal alam dan aliran pemikiran ini lahir pada zaman pertengahan Eropah. Kehidupan moden yang dicapai hasil dari proses itu dirujuk sebagai kemajuan dan pembangunan. Pandangan klasik mengenai modenisasi menunjukkan bahawa sesuatu masyarakat itu perlu mengikuti sejarah modenisasi Barat dalam melakukan pembangunan (Bernstein, 1973) misalnya dengan melalui fasa rasionalisasi sosial, kemudiannya budaya, politik dan seterusnya ekonomi. Weber misalnya mencadangkan bahawa proses rasionalisasi yang berlaku dalam sesuatu masyarakat perlu melibatkan perubahan nilai dan budaya sebelum lahirnya modenisasi itu sendiri seperti yang berlaku dalam konteks Barat (Hattori dan Funatsu, 2003). Bagaimanapun, modenisasi sebenarnya berkait rapat dengan persekitaran, tradisi atau budaya setempat dan tidak semestinya boleh diterangkan dengan bersandar kepada satu model penjelasan sahaja (Eisenstadt, 2000).

Proses modenisasi di Barat melalui satu sejarah yang panjang bermula dengan rasionalisasi daripada aspek sosial dan kebudayaan sebelum berlakunya Revolusi Perindustrian sekitar kurun ke-18 (Hattori dan Funatsu, 2003). Rentetan modenisasi di Barat bermula apabila munculnya bandar-bandar yang berautonomi diikuti dengan *Renaissance* yang kemudiannya membawa kepada Reformasi agama dan seterusnya memasuki satu fasa ekonomi baru perindustrian (Hattori dan Funatsu, 2003). Proses ini bolehlah diterangkan secara ringkas dengan mengatakan bahawa modenisasi di Barat bermula dengan rasionalisasi sosial, kemudiannya budaya, politik dan seterusnya ekonomi. Berbeza dengan Barat, modenisasi yang berlaku dalam konteks bukan Barat seperti di negara Asia memerlukan model penjelasan (*explanatory model*) yang berbeza. Hattori dan Funatsu (2003) turut menyentuh perkara ini apabila membincangkan ciri-ciri kelas menengah Jepun dalam kajian mereka mengenai modenisasi negara tersebut. Mereka juga mengatakan bahawa proses modenisasi di negara itu mengambil fasa yang berbalik iaitu bermula dengan modenisasi ekonomi, kemudiannya politik, budaya dan sosial.

Perbezaan proses modenisasi antara Timur dan Barat ini memberikan satu ruang perbandingan yang menarik untuk dibincangkan. Teori modenisasi oleh Weber, yang mencadangkan bahawa proses rasionalisasi yang berlaku dalam sesuatu masyarakat turut melibatkan perubahan nilai dan budaya sebelum berlakunya perubahan sosial atau modenisasi itu sendiri (Mohd Hazim Shah, 2007), menampakkan kepentingan untuk meneliti modenisasi dalam suasana dan budaya setempat. Idea untuk melihat modenisasi sebagai sesuatu yang mempunyai pelbagai bentuk, boleh mengambil rupa yang berbeza dalam masyarakat yang berbeza dan tidak semestinya dirujuk dalam konteks Barat dikemukakan oleh Eisenstadt (2000) melalui konsep '*multiple modernities*'. Pandangan ini membawa dimensi berbeza dalam memahami modenisasi dan bertentangan dengan teori konvensional yang mendakwa proses pemodenan sesuatu masyarakat perlu mengikuti perubahan dan perkembangan sepertimana yang telah berlaku di Barat. Eisenstadt (2000) menegaskan perkara ini dengan mengatakan;

*'The notions of 'multiple modernities' denotes a certain view of the contemporary world-indeed of the history and characteristics of the modern era that goes against the views long prevalent in scholarly and general discourse. It goes against the view of the 'classical' theories of modernization and the convergence of industrial societies prevalent in the 1950s, and indeed against the classical sociological analyses of Marx, Durkheim, and (to a large extent) even of Weber...at least in one reading of his work. They all assumed, even if only implicitly, that the cultural program of modernity as it developed in*

*modern Europe and the basic institutional constelations that merged there would ultimately take over in all modernizing and modern societies; with the expansion of modernity, they would prevail throughout the world'.*

### **Modenisasi daripada aspek psiko-sosial**

Modenisasi yang berlaku melalui transformasi sesuatu institusi hanya boleh dicapai dengan transformasi individu terlebih dahulu dan ini merupakan satu proses yang rumit digambarkan sebagai 'a change of heart' (Lerner, 1968). Pembangunan bangsa dan pembinaan institusi menjadi satu usaha yang tidak bermakna tanpa penglibatan sikap dan nilai individu di dalamnya (Inkeles dan Smith, 1974). Perubahan nilai dan sikap seperti ini dikaitkan dengan 'individual modernity' sepertimana yang telah diperkenalkan oleh Inkeles (1974). Buku 'Becoming Modern' (Inkeles dan Smith, 1974) misalnya melaporkan hasil kajian yang telah dilakukan di enam negara membangun iaitu Argentina, Chile, Pakistan, India, Israel dan Nigeria. Buku ini antara lain membincangkan ciri-ciri moden dari aspek individu dan diukur dengan menggunakan kaedah *Overall Measure of Modernity Scale* untuk melihat nilai dalam diri seseorang. Teori modenisasi dari aspek psiko-sosial ini mengemukakan satu garis asas dalam menghuraikan ciri-ciri personaliti moden (*modern personality*) seperti berfikiran terbuka dan rasional.

Modenisasi daripada aspek psiko-sosial menggariskan beberapa ciri personaliti moden yang dikelaskan dalam dua jenis utama iaitu perspektif analitikal dan perspektif topikal (Inkeles, 1974 dan 1997). Daripada aspek analitikal, manusia moden dikatakan mempunyai personaliti menyentuh tentang perubahan nilai individu termasuk keterbukaan kepada pengalaman baru, kesediaan terhadap perubahan sosial, pendapat dan pandangan, masa, kemampuan, perancangan, kepercayaan, kemahiran teknikal dan harga diri (*dignity*). Manakala dalam perspektif topikal, manusia moden dikaitkan pula dengan beberapa perkara yang lebih heterogen antara lain seperti isu persaudaraan dan kekeluargaan, hak-hak wanita, kawalan kelahiran, agama, usia, politik, komunikasi, kepenggunaan, susunan sosial dan komitmen kerja.

Kajian ini sendiri juga sebahagiannya turut menyentuh aspek personaliti moden sebagai usaha untuk menunjukkan hubungan antara modenisasi ekonomi dan modenisasi nilai dalam konteks pemodenan Melayu luar bandar. Walaubagaimanapun, makalah ini hanya mengkaji personaliti moden di kalangan peneroka FELDA daripada perspektif analitikal. Oleh itu, personaliti moden daripada perspektif analitikal seperti yang digariskan oleh Inkeles (1974) akan diterangkan dengan lebih terperinci seperti di bawah:

*Keterbukaan kepada pengalaman baru*; menilai individu sebagai moden dengan merujuk kepada sikap keterbukaan untuk menerima idea, peribadi dan cara bertindak yang baru. Sebagai contoh boleh menerima pendekatan perubatan moden atau menerima kaedah-kaedah dan teknik pertanian yang baru. Mereka juga mempunyai kemahiran sosial yang tinggi seperti boleh menerima orang asing dalam komuniti mereka dan boleh berkompromi dalam cara mendapatkan maklumat walaupun dari sumber yang pelbagai.

*Kesediaan terhadap perubahan sosial*; merujuk kepada kesediaan untuk menerima perubahan seperti perubahan di dalam aspek politik, mobiliti sosial dan fizikal, isu dalam hak wanita dan hubungan sosial yang lebih terbuka. Ini bermakna, individu moden seharusnya bersedia dengan penglibatan politik yang lebih besar dikalangan masyarakat selain meningkatkan mobiliti sosial dan fizikal. Mereka juga sedar akan hak-hak wanita dan memberi peluang yang sama rata. Mereka mempunyai hubungan sosial yang lebih terbuka misalnya memberi layanan sama rata dalam interaksi dan komunikasi tidak mengira status usia. Selain itu, sikap yang tidak rigid dan tidak prejudis juga dikatakan terdapat pada individu moden.

*Pendapat dan pandangan*; merujuk kepada sikap dan kebolehan untuk memberi pendapat atau pandangan. Dalam konteks ini, kebolehan untuk memberi respons

kepada isu setempat atau global menepati ciri individu moden. Mereka juga rasional dan kritikal dalam menerima sesuatu pandangan atau pendapat walaupun dari orang yang lebih *superior*.

*Masa*; individu moden lebih berorientasikan 'present' dan 'future' iaitu mengambil pendekatan masa sekarang dan kepentingan pada masa depan dalam menangani sesuatu isu. Mereka juga dapat menerima sistem hidup berjadual dan ciri ini termasuklah dalam soal menepati masa atau '*punctuality*'.

*Kemampuan*; menerangkan sikap yang mempercayai bahawa manusia boleh mengawal persekitaran dan berupaya menentukan apa yang mereka mahu. Mereka juga mempunyai matlamat atau pegangan yang kuat dan tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain.

*Perancangan*; berkait rapat dengan *masa* dan *efficacy*. Aspek ini menekankan kebolehan merancang misalnya apakah yang paling diperlukan dalam masyarakatnya pada masa depan.

*Rasa percaya (calculability/trust)*; individu moden positif dalam meletakkan kepercayaan kepada sebarang usaha orang (walaupun dibawa oleh orang luar) atau institusi disekeliling dalam usaha menyediakan kehidupan yang lebih baik. Mereka berpegang kepada kepercayaan bahawa kuasa untuk membentuk kehidupan terletak dalam tangan manusia dan bukannya diserahkan kepada nasib atau takdir semata-mata. Aspek ini juga berkait dengan *efficacy*.

*Kemahiran teknikal*; individu moden dikatakan menerima kaedah-kaedah teknikal dengan baik misalnya di dalam aktiviti ekonomi.

*Aspirasi, pendidikan dan pekerjaan*; mengandaikan individu moden menerima pendidikan moden seperti pengajaran sains dan menganggap ia perlu sebagai salah satu usaha manusia memahami dan menguruskan alam. Nilai ini bertentangan dengan nilai yang dipegang oleh individu tradisional yang menganggap pendidikan moden cuba mencampuri urusan yang sepatutnya hanya diserahkan kepada ilmu-ilmu agama.

*Harga diri (Dignity)*; merujuk kepada kesedaran rasa hormat kepada orang lain yang lebih tinggi statusnya dalam masyarakat. Biasa difahami rasa hormat lebih subur di dalam 'masyarakat tradisional'-seperti rasa hormat kepada penghulu di kampung-kampung, tetapi satu andaian yang dibuat ialah nilai ini lebih tinggi di dalam 'masyarakat moden'- iaitu rasa hormat kepada pengurus atau pegawai.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilakukan dengan mengambil satu sampel kawasan kajian iaitu Felda Semarak, Jengka 15 Pahang. Pendekatan kajian daripada aspek psiko-sosial seperti ini telah juga dilakukan misalnya oleh Inkeles (1974 dan 1997) di negara-negara seperti Argentina, Chile, Pakistan, India, Israel, Nigeria, German, Rusia dan Amerika. Soalan-soalan yang dirangka (temuramah dan kajiselidik) dalam kajian ini juga telah diinspirasi daripada kajian beliau dalam usaha untuk menguji kehadiran ciri-ciri personaliti moden seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya.

## **Modenisasi peneroka daripada aspek psiko-sosial**

Kajiselidik dalam kajian ini mengajukan soalan kepada peneroka dalam tiga aspek utama iaitu pertama; 'orientasi kepada perubahan', kedua; 'aspirasi' dan ketiga; 'kepercayaan' yang secara menyeluruh merangkumkan ciri-ciri personaliti moden di kalangan peneroka seperti keterbukaan kepada pengalaman baru, kesediaan terhadap perubahan sosial, pendapat dan pandangan, masa, kemampuan, perancangan, kepercayaan, kemahiran teknikal dan harga diri (*dignity*) (Inkeles, 1974 dan 1997).

### ***Orientasi kepada perubahan***

Untuk aspek 'orientasi kepada perubahan', soalan-soalan terdiri daripada isu-isu pembangunan masyarakat peneroka seperti dalam aspek sosial, ekonomi dan fizikal. Persepsi peneroka terhadap tanah rancangan dalam aspek-aspek ini pada satu lapis menggambarkan persepsi mereka terhadap program pembangunan masyarakat luar bandar oleh kerajaan. Namun memahami bahawa program pembangunan tersebut adalah satu proses penyusunan semula masyarakat daripada sistem ekonomi tradisional di kampung-kampung kepada sistem ekonomi moden di tanah-tanah rancangan yang antara lain bertujuan untuk membawa perubahan kepada sosio-ekonomi peneroka, bermakna pada lapis yang lainnya secara terus persepsi ini juga menjelaskan ciri-ciri personaliti moden yang hadir di kalangan peneroka seperti 'keterbukaan kepada pengalaman baru' dan 'kesediaan terhadap perubahan sosial'.

### ***Respons peneroka terhadap pembangunan sosial di tanah rancangan***

Peneroka yang rata-ratanya datang dari kampung membawa harapan yang besar untuk mengubah kehidupan mereka apabila menyertai tanah rancangan. Keadaan ekonomi yang buruk di kampung-kampung menjadi salah satu punca utama mereka menyertai tanah rancangan. Setelah hampir 40 tahun menetap di tanah rancangan tersebut, mereka kini telah menerima bahawa inilah 'kampung' mereka. Tanggapan peneroka terhadap tempat tinggal mereka ini penting untuk menunjukkan bahawa 'penghijrahan' mereka dahulu telah membawa mereka ke tempat yang tetap untuk mengubah hidup. Ini menggambarkan sikap peneroka terhadap 'keterbukaan kepada pengalaman baru' dengan menerima cara hidup baru di tanah rancangan misalnya dengan sistem kerja moden yang diperkenalkan oleh FELDA. 40% peneroka yang mengatakan mereka sangat suka dan 60% mengatakan mereka suka tinggal di sini. Tiada peneroka yang menjawab 'tidak suka' atau 'sangat tidak suka'.

Kehidupan di tanah rancangan yang menyediakan kemudahan-kemudahan dan memberi perubahan kepada status ekonomi peneroka menjadikan ia sebagai satu tempat yang ideal untuk peneroka-peneroka ini mengubah kehidupan mereka. Kemudahan yang disediakan menjadikan tanah rancangan sebagai sebuah penempatan yang lengkap seperti untuk membeli barang keperluan harian tanpa perlu untuk keluar dari kawasan tanah rancangan. Keadaan ini boleh dilihat sebagai satu cara bagaimana FELDA melakukan pembangunan dan pemodenan. Dari aspek 'rasa percaya' seperti yang telah digariskan oleh ciri-ciri personaliti moden, peneroka memberi gambaran sikap positif mereka dalam meletakkan kepercayaan kepada pihak FELDA dalam usaha menyediakan kehidupan yang lebih baik melalui pembangunan dan pemodenan. Dengan konsep penempatan seperti yang disediakan oleh FELDA, peneroka dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan baru di tanah rancangan dan mula menganggap tanah rancangan sebagai 'tempat tinggal' mereka.

'Rasa percaya' kepada pembangunan dan pemodenan yang dilakukan oleh FELDA juga dapat dilihat daripada rasa 'sayang' kepada tempat tinggal sekarang apabila ditunjukkan rata-rata peneroka tidak mahu berpindah atau keluar dari tanah rancangan. Sebanyak 86% peneroka mengatakan mereka tidak suka tinggal di bandar walaupun diberi peluang dan hanya 7% mengatakan sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa peneroka menerima keadaan kehidupan mereka sekarang ini dan senang dengan kehidupan di tanah rancangan.

### ***Respons peneroka terhadap pembangunan fizikal di tanah rancangan***

Respons peneroka terhadap pembangunan fizikal di tanah rancangan juga boleh memberi gambaran mengenai sikap mereka terhadap personaliti moden misalnya seperti 'keterbukaan kepada pengalaman baru', 'kesediaan terhadap perubahan sosial' dan 'rasa percaya'. Ciri-ciri personaliti moden ini menggariskan kepada sikap bahawa individu terbuka untuk menerima idea, peribadi dan cara bertindak yang baru, bersedia untuk menerima sistem sosial yang baru serta optimis kepada usaha untuk kehidupan yang lebih baik. Persepsi peneroka dalam hal ini umumnya amat dipengaruhi oleh persekitaran yang disediakan oleh FELDA di tanah rancangan mereka misalnya dengan adanya kemudahan asas seperti air dan elektrik disamping kemudahan lain seperti klinik, sekolah dan balai raya. 80% peneroka berpuashati dengan kemudahan yang disediakan ini.

Daripada persepsi yang diberikan peneroka terhadap pembangunan komuniti mereka yang dilakukan FELDA boleh difahami bahawa ia telah memberi keselesaan kepada peneroka untuk tinggal di sini untuk tempoh yang lama. Rasa 'selesa' tinggal di tanah rancangan penting untuk mewujudkan rasa bahawa kebajikan mereka dijaga. FELDA memenuhi perkara itu dengan menyediakan kemudahan-kemudahan di tanah rancangan dan ini juga termasuk menyediakan rumah untuk peneroka.<sup>135</sup> Respons peneroka terhadap pembangunan fizikal di tanah rancangan seperti ini menggambarkan kepada sikap peneroka yang optimis kepada usaha pembangunan yang dilakukan oleh FELDA dan ini menepati salah satu ciri personaliti moden iaitu bersikap positif dalam meletakkan kepercayaan terhadap usaha mengubah kehidupan walaupun dari pihak luar dan dalam kes ini FELDA. Ini menunjukkan kehadiran ciri-ciri personaliti moden di kalangan peneroka daripada aspek 'rasa percaya' (*calculability/trust*).

### ***Respons peneroka terhadap pembangunan ekonomi di tanah rancangan***

Kehidupan di tanah rancangan berbeza dengan kehidupan mereka di kampung dahulu. 74% berpendapat bahawa pendapatan yang mereka perolehi di tanah rancangan adalah mencukupi sementara 19% pula mengatakan pendapatan mereka tidak mencukupi. 7% peneroka pula tidak memberi komen. Jika di kampung mereka melakukan kerja-kerja kampung, tidak terikat dengan peraturan mana-mana pihak atau majikan; lebih santai dan mereka bebas untuk melakukan kerja. Mereka juga tidak ditekan dengan mana-mana dasar dan polisi untuk mencapai suatu sasaran pengeluaran dalam sesuatu bulan tertentu. Di tanah rancangan, peneroka diperkenalkan dengan pelbagai peraturan dan kaedah kerja semasa. Pertanian moden ini disampaikan melalui kakitangan FELDA yang bertindak sebagai agen modenisasi seperti pengurus, pegawai ataupun penyelia ladang. Hubungan sosial yang baru ini, lahir dari industrialisasi sawit oleh FELDA dalam satu sistem ekonomi yang besar. Hubungan yang baru ini berbentuk professional iaitu berasaskan pekerjaan

---

<sup>135</sup>Temubual dengan En. A. Hamid Bin Mohd Ali, Pengurus FELDA Semarak Jengka 15, pada 27 Mac 2009, jam 10.00 pagi di Pejabat Felda Semarak Jengka 15.



dalam sistem ekonomi moden. Kakitangan FELDA dilihat sebagai penghubung antara peneroka dengan dasar dan polisi FELDA secara langsung. Kakitangan ini berperanan untuk menguruskan peneroka dalam hal-hal berkaitan pekerjaan mereka. Pendedahan ini menggambarkan kepada ciri personaliti moden iaitu daripada aspek 'kesediaan terhadap perubahan sosial' apabila wujudnya hubungan sosial baru di tanah rancangan iaitu hubungan seperti 'penyelia-peneroka'.

Dalam soal hubungan sosial yang baru ini kakitangan seperti pengurus, pegawai dan penyelia berperanan untuk menyampaikan maklumat pertanian moden kepada peneroka. Ini termasuk memberikan tunjuk ajar tentang cara sesuatu kerja di ladang perlu dilakukan mengikut prosedur. Dalam hal kakitangan memberi teguran dan nasihat kepada peneroka menggambarkan kehadiran ciri personaliti moden di kalangan peneroka iaitu daripada aspek 'pendapat dan pandangan' apabila peneroka boleh menerima pendapat dan pandangan secara rasional dan kritikal. Selain itu, ini juga menunjukkan kepada sikap peneroka yang bersedia untuk menerima kerja mengikut prosedur, berjadual dan menepati masa dan ini menepati satu ciri personaliti moden iaitu daripada aspek 'masa'.<sup>136</sup>

Suasana pentadbiran di tanah rancangan FELDA menjadi faktor penting kepada keberkesanan pengurusan dan dilihat satu cara untuk menjadikan peneroka lebih dekat dengan FELDA. Kakitangan ini tidak hanya mempunyai peranan dalam menguruskan kerja-kerja peneroka malah mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial. Inilah yang mewujudkan rasa 'percaya' di kalangan peneroka terhadap pentadbiran FELDA. Misalnya, peneroka tidak kisah sekiranya kakitangan mencampuri urusan peribadi mereka seperti menasihati cara bagaimana menguruskan kewangan dengan baik. Ini dapat menggambarkan kepada aspek 'harga diri' dalam ciri personaliti moden. Aspek ini menerangkan mengenai rasa hormat kepada orang yang lebih tinggi statusnya dalam masyarakat iaitu jika dalam masyarakat tradisional, rasa hormat ini adalah kepada misalnya penghulu atau ketua kampung. Namun berbeza dengan masyarakat tradisional, rasa hormat ini ditunjukkan kepada pengurus atau pegawai yang merupakan orang penting dalam masyarakat mereka.

Dalam komuniti seperti ini mereka perlu aktif untuk menyalurkan suara mereka. Hidup dalam keadaan itu bermakna mereka perlu peka dan sensitif dengan apa yang mereka harapkan dan tanggap pada masa depan. Beberapa persatuan ditubuhkan sebagai saluran untuk menyampaikan suara mereka seperti Jawatankuasa Rancangan (sekarang dikenali sebagai Jawatankuasa Kampung), Persatuan Belia dan Persatuan Wanita. Peneroka juga mempunyai darjah keterlibatan dalam proses membuat keputusan dalam masyarakat mereka dan ini menepati salah satu ciri personaliti moden daripada aspek 'kesediaan terhadap perubahan sosial' yang menggariskan bahawa individu moden adalah mereka yang mengalami penglibatan politik atau proses membuat keputusan. Penglibatan peneroka dalam proses membuat keputusan ditunjukkan dalam usaha mereka menjadi sebahagian daripada suara masyarakat dengan melibatkan diri dalam persatuan-persatuan. Melalui persatuan-persatuan ini peneroka dapat menyalurkan pandangan dan cadangan kepada pihak pengurusan mengenai kebajikan mereka dalam pekerjaan mahupun dalam kehidupan mereka di tanah rancangan.

Orientasi kepada perubahan cara kerja turut dibincangkan dari segi kesediaan untuk menerima perubahan dan sikap untuk berubah di kalangan peneroka. Ini bersesuaian dengan suasana dan persekitaran kerja baru yang menuntut kepada cara kerja moden. Melalui rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit, peneroka melakukan kerja-kerja di ladang mengikut prosedur yang telah ditetapkan misalnya mengikut panduan *Manual Operasi*

---

<sup>136</sup> Temubual dengan En. A. Hamid Bin Mohd Ali, Pengurus FELDA Semarak Jengka 15, pada 27 Mac 2009, jam 10.00 pagi di Pejabat Felda Semarak Jengka 15.

*Pengurusan Ladang* yang dikeluarkan oleh FELDA. Kerja mereka mengikut jadual dan masa untuk mengekalkan kualiti pengeluaran dan memenuhi permintaan pasaran.

Kerja sebagai peneroka sememangnya berbeza dengan kerja yang mereka pernah lakukan dahulu. Kerja mereka ditetapkan oleh satu sistem ekonomi moden. Oleh itu kesediaan untuk menerima perubahan dalam kerja dilihat amat penting kerana mereka sekarang ini sudah menjadi sebahagian dari rangkaian ekonomi moden itu. Respons peneroka terhadap perubahan cara kerja menggambarkan ciri personaliti moden daripada aspek 'kemahiran teknikal' iaitu dengan menerima kaedah-kaedah teknikal dalam sistem pertanian moden. Daripada aspek 'masa' pula ditunjukkan apabila peneroka melakukan kerja secara berjadual dan menepati masa serta daripada aspek 'perancangan' pula boleh difahami apabila peneroka mula melihat bahawa tindakan mematuhi amalan pertanian moden akan mendatangkan hasil ladang yang memuaskan.

Jumlah 58% yang memberikan respons positif tersebut menunjukkan kehadiran ciri personaliti moden di kalangan peneroka iaitu mengenai sikap rasional dan kritikal dalam menerima sesuatu pandangan. Walaubagaimanapun, persepsi peneroka terhadap perkara ini masih boleh memberikan cerita yang pelbagai apabila dibandingkan dengan maklumat yang diperolehi daripada temubual dengan pengurus dan pegawai. Dalam soal ini, 31% peneroka yang memberikan respons negatif iaitu 'memilih untuk membuat keputusan sendiri dan menolak pandangan yang baik dari orang lain' bukanlah sesuatu yang harus diabaikan. Ada peneroka yang dilihat sukar untuk menerima perubahan dalam sistem kerja yang baru ini misalnya gagal mematuhi prosedur kerja.

### **Aspirasi**

Satu perkara yang dilihat dalam aspek ini ialah aspirasi mereka terhadap pendidikan anak-anak. Jika melihat semula latar pendidikan peneroka, kebanyakan mereka hanya mendapat pendidikan peringkat rendah malah ada juga yang tidak bersekolah. Walaupun begitu, peneroka di kawasan kajian meletakkan keutamaan kepada pendidikan anak-anak dan peneroka mahukan anak-anak mereka mempunyai pendidikan sehingga ke tahap universiti (82%). Ada juga peneroka tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi tetapi mereka masih mengharapkan anak-anak mereka sekurang-kurangnya melanjutkan pelajaran ke kolej-kolej (5%), dan 11% dan 2% menamatkan sekolah menengah dan sekolah rendah. Hasrat dan harapan yang tinggi ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa peneroka percaya hanya dengan pendidikan dapat mengubah kehidupan kepada yang lebih baik.

Dari aspek pendidikan dan mengubah hidup, ini secara tersorok (*implicit*) akan menghalu kepada motif ekonomi walaupun tidaklah dinyatakan secara jelas oleh peneroka. Ini ditunjukkan apabila 23% peneroka misalnya meletakkan kemahiran teknikal sebagai keutamaan untuk dipelajari anak-anak mereka selain 39% memilih kemahiran membaca dan menulis sementara 37% meletakkan belajar ilmu agama sebagai keutamaan. Walaupun pilihan keutamaan kepada bidang agama adalah antara yang tertinggi namun keutamaan kepada dua bidang lagi menjadikan jumlah 62% peneroka menganggap bahawa ia adalah pilihan utama. Boleh dirumuskan bahawa peneroka melihat kemahiran seperti membaca, menulis dan teknikal boleh disandarkan untuk anak-anak mendapat peluang pekerjaan yang baik dan ini sekaligus memberi impak ekonomi yang juga baik. Bagaimanapun, pilihan yang tinggi kepada bidang agama menggambarkan mereka masih mementingkan ilmu dalam bidang itu.

Respons peneroka dalam hal ini mengenai pendidikan anak-anak menggambarkan sikap mereka terhadap aspirasi yang tinggi. Bagaimanapun, dalam soal bidang ilmu yang

diutamakan untuk dipelajari oleh anak-anak mereka, ilmu agama masih menunjukkan pilihan yang tinggi di kalangan peneroka. Ini memberikan petunjuk yang menarik iaitu walaupun berada dalam sistem masyarakat moden yang biasanya memberikan keutamaan kepada ilmu dalam bidang-bidang teknikal, gambaran yang berbeza ditunjukkan dalam kajian ini apabila peneroka turut memilih ilmu agama sebagai satu bidang yang penting untuk dipelajari.

### **Agama dan Kepercayaan**

Selain aspek aspirasi, tinjauan melalui soal selidik turut melihat kepada aspek kepercayaan iaitu melibatkan konsep takdir dan nasib. Aspek ini boleh menggambarkan kepada keyakinan dan 'kuasa' peneroka untuk mengubah hidup mereka. Persoalan seperti ini ditimbulkan kerana ia memberi implikasi yang besar kepada bentuk modenisasi yang dialami masyarakat peneroka. Dari kajian yang dilakukan, pandangan peneroka terhadap konsep takdir dan nasib bolehlah dikatakan agak seimbang. Ini ditunjukkan apabila mereka ditanya mengenai keupayaan seseorang untuk mengubah hidupnya. Respons sebanyak 65% diberikan oleh peneroka terhadap kepercayaan bahawa nasib boleh diubah iaitu 'Jika dia berusaha, dia pasti berjaya', sementara 28% lagi memilih nasib mungkin boleh diubah. Peneroka yang mengatakan bahawa nasib sesuatu yang sukar dan tidak boleh diubah adalah sebanyak 4%. Dalam hal ini, boleh disimpulkan bahawa peneroka berpendapat usaha adalah penting jika mahu mengubah kehidupan dan tidak seharusnya hanya bergantung sepenuhnya kepada nasib. Pandangan peneroka terhadap perkara ini menunjukkan mereka percaya bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk mencapai apa yang mereka ingini dalam hidup.

Untuk mengetahui persepsi peneroka terhadap konsep takdir dan nasib, pernyataan seterusnya yang diberikan adalah seperti berikut; 'Sesetengah orang mengatakan bahawa kecelakaan atau kemalangan disebabkan oleh nasib yang tidak baik. Sesetengah orang pula berpendapat ia boleh dielakkan asalkan kita mencegah dan berhati-hati. Untuk soalan ini peratus tertinggi iaitu 53% berpendapat bahawa musibah yang berlaku disebabkan oleh kecuaiannya sendiri, 40% mengatakan takdir dan 4% pula percaya bahawa musibah itu disebabkan oleh nasib yang tidak baik. Pandangan terhadap konsep takdir dan nasib ini juga boleh dilihat apabila peneroka diberikan satu pernyataan yang berkisar tentang apa yang dimiliki dalam hidup iaitu adakah ia bergantung kepada takdir atau bergantung kepada usaha.

Daripada respons yang diberikan boleh disimpulkan bahawa peneroka masih percaya bahawa hidup ini ditentukan oleh takdir. Ini ditunjukkan apabila, walaupun respons yang diterima adalah pelbagai tetapi ia boleh dikategorikan kepada dua kepercayaan utama. Ini ditunjukkan misalnya 42% peneroka berpendapat bahawa hidup '*sebahagiannya* ditentukan oleh usaha', 19% mengatakan '*sebahagiannya* takdir', 9% '*sepenuhnya* takdir' dan 21% berpendapat hidup ini '*sepenuhnya* bergantung kepada usaha'. Daripada respons, '*sebahagiannya* usaha, *sebahagiannya* takdir dan *sepenuhnya* takdir' boleh diletakkan dalam kelas yang sama iaitu hidup masih ditentukan oleh takdir kecuali '*sepenuhnya* usaha' yang menunjukkan keupayaan mutlak terletak kepada manusia. Daripada respons peneroka dalam bahagian ini boleh dikatakan bahawa peneroka masih berpegang kepada konsep 'nasib dan takdir' dalam kehidupan mereka.

### **Pengekalan nilai dan agama dalam bentuk dan ciri modenisasi masyarakat peneroka**

Bentuk dan ciri modenisasi masyarakat peneroka memberi gambaran kepada beberapa perkara termasuklah pengekal nilai tradisional dan kepercayaan kepada agama. Daripada aspek hubungan sosial yang wujud hasil daripada sistem ekonomi moden, hubungan antara peneroka dan pengurus dilihat tidak hanya berdasarkan kepada hubungan profesional tetapi turut melibatkan soal peribadi seperti menerima nasihat tentang bagaimana menguruskan kewangan dan bagaimana menjaga tingkahlaku dalam masyarakat. Ciri hubungan sosial seperti ini mewujudkan rasa 'percaya' peneroka kepada kakitangan dan seterusnya FELDA sendiri. Perkara ini berbeza dari kelaziman hubungan sosial yang wujud dalam sistem ekonomi moden yang biasanya diasaskan atas dasar profesional semata-mata seperti yang boleh dilihat di bandar-bandar misalnya. Begitu juga dengan hubungan kekeluargaan di kawasan kajian yang menunjukkan ia masih baik walaupun mereka sebenarnya berada dalam satu arus industrialisasi.

Daripada kajian juga, ditunjukkan bahawa keadaan di tanah rancangan yang menempatkan peneroka-peneroka sebagai 'pekerja' adalah kondusif dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap disediakan untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti sosial di dalam masyarakat mereka. Daripada aspek ini FELDA dilihat berjaya melakukan satu transformasi masyarakat Melayu dari kampung-kampung dengan menyusun semula golongan itu di penempatan baru yang juga dilihat sebagai 'produk langsung' daripada satu sistem pertanian moden. Dengan adanya penempatan seperti ini kebajikan peneroka dilihat dijaga dengan baik oleh pihak pengurusan FELDA. Ini disahkan daripada respons yang diberikan oleh peneroka mengenai perkara ini. Rata-rata peneroka misalnya berpuas hati dan merasakan kehidupan mereka telah banyak berubah semenjak menyertai tanah rancangan. Tanah rancangan tidak lagi berfungsi sebagai satu kawasan untuk menempatkan mereka sebagai 'pekerja' malah telah dianggap sebagai 'kampung' oleh mereka. Respons seperti ini memberi satu implikasi yang besar kepada kejayaan proses penyusunan semula masyarakat Melayu luar bandar.

Tujuan dan matlamat peneroka untuk mengubah kehidupan dengan mempunyai status ekonomi yang lebih baik berbanding semasa tinggal di kampung juga dilihat tercapai. Hari ini ada peneroka yang memperoleh pendapatan sehingga RM3000 sebulan dan ini merupakan satu pencapaian yang baik daripada aspek ekonomi, menunjukkan kejayaan agenda pembangunan FELDA melalui tanah rancangannya dan sekaligus secara umum menunjukkan kejayaan kepada usaha membela nasib golongan Melayu luar bandar. Pencapaian seperti ini seharusnya malah sepatutnya boleh diagak dari awal kerana inilah juga 'kesan segera' kepada pembangunan dan modenisasi. Melalui industrialisasi sebagai contoh, tujuan dan matlamat meningkatkan ekonomi boleh dilakukan dengan 'cepat' misalnya dengan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Namun begitu, jika pembangunan hanya dilihat daripada sudut ini, mungkin ia perlukan penilaian semula kerana proses pembangunan dan modenisasi sesuatu masyarakat harus juga dilihat daripada aspek perkembangan nilai dan pemikiran. Dalam konteks kajian ini, pembangunan dan modenisasi yang dibawakan oleh FELDA telahpun menunjukkan 'kesan segera' tetapi adakah proses ini turut mengambilkira penekanan untuk menyediakan atau mempersiapkan peneroka daripada aspek nilai dan pemikiran.

Namun inilah realiti dalam melakukan pemodenan kerana ia tidak semestinya menempah cara yang mudah malah memerlukan pertimbangan angkubah-angkubah yang pelbagai dalam proses itu dan memahami ruanglingkup anatomi sosial sesuatu masyarakat. Secara biasa, kita boleh sahaja melihat mana-mana respons peneroka dalam bentuk yang tidak menyokong teori itu tadi; sebagai tidak memenuhi ciri-ciri personaliti moden, namun penjelasan yang lebih bernuansa dan dalam diperlukan dalam soal ini. Respons peneroka terhadap beberapa perkara misalnya daripada aspek ekonomi seperti soal pendapatan; yang ditunjukkan dalam transisi sistem blok kepada sistem individu, atau soal hak; yang ditunjukkan dalam proses tanam semula, atau tindakan peneroka yang tidak mengikuti

prosedur; yang ditunjukkan dalam kerja-kerja di ladang; telah menimbulkan konflik yang bukan sahaja tinggal sebagai ketakakuran tetapi dalam analisis yang lebih kritikal menuntut ianya difahami dalam konteks dan budaya tempatan.

Hal ini dilihat berkisar tentang keperluan memahami bahawa proses pemodenan tidak hanya boleh dilakukan dengan menerap apa jua nilai di dalamnya secara terus dengan menafikan kewujudan sedia ada institusi rasional sesuatu masyarakat. Dalam konteks ini, tulisan oleh Abdul Halin Hamid (1984) mungkin memberikan satu sokongan yang baik iaitu beliau beranggapan bahawa kegagalan melakukan pemodenan di tanah-tanah rancangan banyak berkait tentang soal memahami pemodenan dengan cara yang tidak kritikal. Kegagalan peneroka untuk menerima nilai-nilai atau praktis moden seringkali diletakkan salahnya pada peneroka hinggalah institusi sedia ada dianggap 'tradisional, tidak saintifik dan bertentangan dengan nilai-nilai moden'. Walhal satu perkara yang perlu difahami ialah peneroka bukannya 'tong kosong yang sedia untuk diisi' tetapi adalah manusia yang padanya sarat dengan 'bau dan warna' tempatan. Begitu juga jika dilihat dalam konteks penyebaran inovasi saintifik yang boleh menimbulkan banyak cabaran kerana sesuatu masyarakat itu wujud dengan disokong oleh sistem sosialnya yang tersendiri. Ini bermakna adakalanya inovasi saintifik akan menimbulkan pertembungan nilai dan budaya dalam sesuatu masyarakat yang akhirnya memperlihatkan samada penerimaan oleh sesetengah golongan masyarakat atau mungkin pula penolakan daripada sesetengah yang lain (McGinn, 1991).

Sementara itu, kajian yang dijalankan ini telah menunjukkan bahawa pandangan peneroka terhadap nilai dan pemikiran memberikan gambaran kepada sikap yang berbeza-beza. Dalam aspek aspirasi pendidikan anak-anak misalnya, rata-rata peneroka menunjukkan aspirasi yang tinggi dan ini menggambarkan satu bentuk perubahan dan peningkatan tanggapan, hasrat dan cita-cita peneroka. Ini juga sebenarnya menunjukkan peneroka sedar dan memahami kepentingan pendidikan untuk mengubah hidup walaupun pada tahap ini ia untuk anak-anak dan bukan lagi untuk diri mereka sendiri.

Dalam aspek nilai yang lain, pembangunan dan modenisasi sering juga dikaitkan dengan kesan kepada kepercayaan dan agama. Modenisasi yang membawa rasionaliti bersama-samanya juga biasa difahami sebagai sesuatu yang menolak norma tradisional. Dalam kes kajian ini, penerangan yang sedikit berbeza diperlukan kerana modenisasi disini walaupun mempunyai matlamat yang sama tetapi mengambil bentuk yang berbeza. Apa yang dimaksudkan ialah peneroka misalnya bekerja dalam satu sistem pertanian moden tetapi dari kajian yang dilakukan terhadap kepercayaan mereka, menunjukkan yang mereka masih berpegang kepada kepercayaan dan norma tradisional misalnya kepercayaan kepada agama. Hal ini diterangkan misalnya apabila peneroka masih percaya bahawa mereka tidak mempunyai kuasa mutlak menentukan tindak-tanduk dalam kehidupan dan kuasa mutlak itu terletak kepada kuasa lain; Tuhan. Mereka moden daripada satu segi tetapi masih berpegang kepada kepercayaan mengenai alam metafizik dan kepelbagaian bentuk modenisasi yang ditunjukkan seperti ini bertepatan dengan konsep '*multiple modernities*' seperti yang dianjurkan oleh Eisenstadt (2000).

Ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana sesuatu masyarakat boleh sahaja moden dari segi ekonomi dan fizikal tetapi pada masa yang sama tidak semestinya berubah dari segi kepercayaan. Mungkin ini juga menunjukkan perbezaan modenisasi yang berlaku di Barat apabila proses itu sebenarnya bermula dengan rasionalisasi bidang-bidang kemasyarakatan termasuk agama itu sendiri misalnya. Modenisasi sebenarnya boleh mengambil dua bentuk iaitu samada dari segi kemasyarakatan atau kebudayaan; atau apa yang diistilahkan sebagai '*societal modernization*' dan '*cultural modernization*' (Hattori dan Funatsu, 2003). Daripada segi kemasyarakatan, sesuatu masyarakat itu dikatakan mengalami pemodenan apabila

menggunakan kaedah atau cara yang rasional seperti dalam sistem ekonomi misalnya dengan menggunakan sains dan teknologi sementara dari segi kebudayaan, pemodenan melibatkan perubahan-perubahan dalam nilai termasuk agama dan kepercayaan.

Oleh itu modenisasi yang dilakukan di Timur tidak boleh diterangkan mengikut model modenisasi seperti yang berlaku di Barat. Modenisasi di Barat mempunyai sejarahnya yang tersendiri dengan Weber sebagai contoh, mengaitkan modenisasi di Barat sebagai sesuatu yang lahir hasil dari proses rasionalisasi yang berlaku dalam bidang-bidang kemasyarakatan seperti agama, ekonomi, undang-undang dan muzik. Lahirnya sains moden adalah hasil daripada kompromi dan dialog antara bidang-bidang ini dan telah menyediakan satu '*cultural accommodation*' kepada masyarakat Eropah. Jadi bagi Weber, modenisasi itu lahir dari '*reconstruction*' bidang-bidang kemasyarakatan itu yang sebenarnya menjadi pra-syarat kepada proses modenisasi itu sendiri yang memerlukan dan melibatkan perubahan-perubahan di dalam agama dan kepercayaan (Mohd Hazim Shah, 2007). Modenisasi di Timur berlaku tanpa proses rasionalisasi melalui dialog tersebut dan bersifat instrumental atau utilitarian sahaja iaitu tidak berpunca atau melibatkan perubahan dalam nilai seperti agama dan kepercayaan. Jadi, Timur menerima sains misalnya; sebagai produk rasionalisasi dan menjadi simbol atau perwakilan kepada rasionalisasi itu sendiri, tanpa masyarakatnya 'dipersiapkan' dengan kerangka asas yang selari dengan 'budaya dan kepercayaan' baru itu.

Berbalik kepada persoalan kajian iaitu untuk melihat samada modenisasi dalam konteks masyarakat peneroka ini turut melibatkan modenisasi daripada aspek nilai. Daripada perbincangan boleh diperhatikan bahawa pembangunan dan modenisasi dalam kes kajian ini mempunyai implikasi kepada sesetengah aspek iaitu mempengaruhi tingkahlaku (*behaviour*) tetapi tidak semestinya mempengaruhi peneroka dari segi nilai terutamanya dari aspek kepercayaan. Dengan kata lain, peneroka mengalami pemodenan daripada aspek fizikal dan ekonomi tetapi tidak memenuhi semua ciri daripada aspek nilai. Jika dilihat daripada aspek aspirasi; salah satu aspek psiko-sosial, peneroka dilihat mempunyai aspirasi yang tinggi dan ini menepati ciri personaliti moden, tetapi berbeza dalam soal kepercayaan apabila peneroka masih berpegang kepada kepercayaan agama. Bagaimanapun nilai rasional seperti ini; seperti aspirasi yang tinggi misalnya, tidak hanya boleh dicapai atau dirangsang semata-mata melalui pembangunan dan modenisasi itu tadi; tetapi tidak juga ditolak bahawa ia mungkin juga dipengaruhi oleh kedua-dua elemen itu. Hal ini memperlihatkan satu lagi sifat unik modenisasi yang mempunyai dua wajah iaitu di satu sisi mempamerkan 'nilai rasional' yang bersifat sepunya dan di satu sisi menawarkan 'wajaran' berbeza dan terbuka. Ini bermakna, nilai rasional seperti 'menepati waktu' misalnya adalah nilai sepunya namun alasan falsafah untuk mematuhiya mungkin berlainan dalam masyarakat yang berbeza; nilai yang diajarkan oleh Islam mungkin menjadi alasan bagi orang Melayu dan bagi orang barat mungkin nilai yang terdapat dalam ajaran Protestant.

## KESIMPULAN

Tipologi 'ciri-ciri personaliti manusia moden' yang dibina oleh Inkeles (1974 dan 1997) tidaklah harus diterima bulat-bulat tanpa diulas, dikritik dan diubahsuai untuk digunakan sebagai penanda aras kepada moden atau tidak seseorang itu. Tipologi tersebut harus digunakan dengan kesedaran bahawa ia tidak semestinya dipenuhi untuk memainkan peranan tersebut. Kritiknya mudah, sekiranya seseorang itu bekerja dengan tekun dan menepati masa tetapi pada masa yang sama mengambil berat dan mengekalkan kepercayaan kepada agama, mereka juga sebenarnya moden.

Modenisasi yang berlaku di kawasan kajian dilihat mengambil bentuknya yang tersendiri iaitu secara ringkas, peneroka memenuhi sebahagian ciri-ciri modenisasi daripada aspek nilai seperti daripada aspek 'kesediaan kepada perubahan' dan 'aspirasi' tetapi pada masa yang sama masih mengekalkan beberapa ciri tradisional seperti yang ditunjukkan daripada aspek 'kepercayaan'. Oleh itu, bolehlah disimpulkan bahawa modenisasi masyarakat peneroka di kawasan kajian boleh dijelaskan melalui konsep '*multiple modernities*' yang menganjurkan bahawa modenisasi itu boleh mengambil pelbagai bentuk dalam masyarakat yang mempunyai konteks anatominya yang tersendiri daripada segi budaya, tradisi dan kepercayaan. Ini juga menunjukkan bahawa modenisasi masyarakat tersebut tidak boleh dijelaskan dengan bersandar kepada model penjelasan modenisasi konvensional yang mengatakan bahawa modenisasi melibatkan perubahan dalam semua aspek iaitu ekonomi, fizikal dan termasuklah perubahan daripada aspek nilai.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halin Hamid. (1984). Budaya dan Modenisasi Masyarakat Desa dlm. Ghazali Basri (ed.) *Pembangunan Masyarakat Desa Untuk Pegawai-Pegawai Latihan FELDA*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Apter, David E. (1973). *Political Change: Collected Essays*. London: Routledge.
- Bernstein, H. (1973). *Underdevelopment and development: the Third World today: selected readings*. London: Penguin.
- Eisenstadt. (2000). Multiple Modernities. *Daedalus*, Winter 2000, 129(1): 1-29.
- Halim Salleh.(1992). Peasants, Proletarianisation and the State: FELDA Settlers in Pahang dlm. Joel S.Kahn dan Francis Loh Kok Wah (eds.). *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*. North Sydney: Allen & Unwin Pty Ltd.
- Hattori, Tamio dan Funatsu, Tsuruyo. (2003). The Emergence of the Asian Middle Classes and Their Characteristic dlm. *The Developing Economies*, XLI (2): 140-160.
- Inglehart, Ronald dan Welzel, Christian. (2005). *Modernization, Cultural Change, and Democracy: The Human Development Sequence*. New York: Cambridge University Press.
- Inkeles, Alex dan Levinson, Daniel J. (1997). *National Character: a psycho-Social Perspective*. New Brunswick, NJ: Transaction Publishers.
- Inkeles, Alex dan Smith, David H. (1974). *Becoming Modern*. Cambridge: Harvard University Press.
- Lerner, Daniel. (1968). Modernization: Social Aspects dlm. David L.Sills (ed.). *International Encyclopedia of the Social Science*. New York: The Free Press.
- McClelland, David C dan Winter, David G. (1969). *Motivating Economic Achievement*. New York: The Free Press.
- McGinn, Robert E. (1991). *Science, Technology and Society*. New Jersey: Prentice- Hall, Inc..

Merete Lie dan Ragnhild Lund. 1994. *Renegotiating Local Values: Working Women and Foreign Industry in Malaysia*. Routledge.

Mohd Hazim Shah. (2007). Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule dlm. *Asian Journal of Social Science*, 35: 216-241.

Rostow, Walt. (1990). *The Stages of Economic Growth: A Non-Communist Manifesto* (3rd ed.). New York: Cambridge University Press.

Weber, Max. (1978). *Economy and Society: An Outline of Interpretive Sociology* dlm. Guenter Roth dan Claus Wittich (eds). Barkeley: University of California Press.

\_\_\_\_\_. (2003). *The Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism*. New York: Courier Dover Publications. Terjemahan oleh Talcott Parsons.